

# Agong, Raja Permaisuri santuni asnaf di Pekan

09 April 2023 08:07pm Masa membaca: 2 minit



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan mengurniakan sumbangan kepada golongan yang memerlukan pada Majlis Pengurniaan Sumbangan kepada Asnaf dan Miskin Tanah Kesultanan Pekan di Istana Mangga Tunggal. - Foto Bernama

PEKAN - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Ahad berkenan berangkat ke Majlis Pengurniaan Sumbangan Kepada Golongan Asnaf dan Miskin yang menetap di Tanah Kesultanan Pekan di sini.

Turut berangkat ke majlis yang diadakan di pekarangan Istana Mangga Tunggal di sini, Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan anakanda Tengku Panglima Raja Kolonel Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah.

Pada majlis itu, Seri Paduka berdua mengurniakan sumbangan peribadi dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) kepada 116 individu yang turut menerima kuih raya serta bubur lambuk sebagai juadah berbuka puasa.

Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah turut berkenan meluangkan masa menyantuni para penerima dengan bertanya khabar serta menzahirkan ucapan selamat berpuasa.

Seorang penerima, Abdul Moris Zahari, 69, berkata dia amat menghargai kurniaan baginda yang akan digunakan untuk membeli kerusi roda.

"Kerusi roda sedia ada telah rosak dan sumbangan ini memang rezeki untuk beli yang baharu kerana saya ada masalah saraf tunjang selepas terlibat dengan kemalangan ketika menunggang motosikal empat tahun lepas," katanya.

Bekas petugas Kelab Polo Diraja Pahang di sini, Ismail Abdul Majid, 64, pula berkata sumbangan itu akan digunakan untuk membuat persiapan Aidilfitri yang akan disambut tidak lama lagi.

"Alhamdulillah dalam bulan Ramadan terima kurniaan ini... malah berasa terharu apabila baginda turut bertanya khabar dan masih mengingati saya kerana sering bertemu di kelab polo dahulu," kata bapa kepada empat anak itu. - Bernama.